

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.1/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 28 FEBRUARI 2014
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.1/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 28 FEBRUARI 2014
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.12/2013 bertarikh 24 Disember 2013.
4. Majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya sesi 2014-2015.
5. Kertas Makluman :
 - 5.1. Makluman Perubahan Ahli-Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2014.
 - 5.2. Kertas Cadangan Perlantikan Ahli Majlis Selaku Ketua Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP).
 - 5.3. Pemakluman Dan Penerangan Kriteria Indeks Akauntabiliti 2014.
6. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 6.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.1/2014.
 - 6.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.1/2014.
 - 6.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.1/2014.

- 6.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.2/2014.
7. Ucapan nangguhan oleh Tuan Haji Abdul Jalil Bin Hasan.
8. Penutup.

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.1/2014**

KANDUNGAN

1. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.12/2013 bertarikh 24 Disember 2013.
2. Majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya sesi 2014-2015.
3. Kertas Makluman :
 - 5.1. Makluman Perubahan Ahli-Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2014.
 - 5.2. Kertas Cadangan Perlantikan Ahli Majlis Selaku Ketua Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP).
 - 5.3. Pemakluman Dan Penerangan Kriteria Indeks Akauntabiliti 2014.
4. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 6.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.1/2014.
 - 6.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.1/2014.
 - 6.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.1/2014.
 - 6.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.2/2014.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 12/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 24 DISEMBER 2013

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Hj. Abd. Hamid bin Hussain
Timbalan Yang DiPertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Jafrien bin Muhammad | - | " |
| 4. | Tn. Abdul Latif bin Shaari | - | " |
| 5. | Tn. Hamsah bin Djabir | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 7. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 8. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 9. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 10. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 11. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 12. | Tn. Chua Yew Choong | - | " |
| 13. | Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 14. | Tn. Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | " |
| 15. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |

16.	Tn. Hj. Ali bin Ismail	-	Ahli Majlis
17.	Tn. Hj. A. Yazid bin Alias	-	"
18.	Tn. Hj. Mat Jusoh bin Dollah	-	"
19.	Tn. Abdul Aziz bin Ahmad	-	"
20.	Tn. Mohamad bin Samat	-	"
21.	Tn. Ho Ah Ngoh	-	"

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal
Ahli Majlis, MPAJ

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarordin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
3. En. Addy Hissham bin Elias
Jabatan Penguatkuasa
4. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan
5. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
6. En. Mohd Fazrin bin Rahman
Bahagian Audit Dalam
7. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat
8. En. Mohamad Yusuf bin Sulaiman
Jabatan Khidmat Pengurusan

9. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
 10. En. Khairul Azmi bin Abd. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
 11. Pn. Zuraina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
 12. Pn. Lily Hamaddah binti Ramle
Bahagian OSC
 13. Pn. Norhayati binti Ahmad
Jabatan Perancangan Korporat (PRO)
 14. En. Ahmad Alhairi bin Mohamed Yusof
Jabatan Bangunan dan Senibina
 15. Puan Siti Aishah binti Salim
Jabatan Undang-Undang
 16. En. Mohd Haniff bin Che Mezam
Bahagian COB
 17. Pn. Norlela binti Kamsi - Urusetia
Bahagian Urusetia
 18. Pn. Noryani binti Roslan - Urusetia
Bahagian Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2. UCAPAN PENGERUSI

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Timbalan Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 12/2013 dan seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

2.1 Tuan Pengurus memaklumkan bahawa Mesyuarat Penuh Majlis bil. 12 kali ini adalah mesyuarat yang terakhir pada tahun 2013. Pada masa yang sama mungkin mesyuarat terakhir bagi Ahli Majlis bagi penggal ini. Sepertimana yang sedia maklum, tempoh Ahli Majlis pada penggal ini akan berakhir pada 31 Disember 2013. Pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan di atas usaha dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan di MPAJ.

Kerajaan Negeri telah memutuskan perlantikan Ahli Majlis bagi penggal akan datang adalah bulan Februari 2014. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa tiada Mesyuarat Jawatankuasa / Mesyuarat Penuh akan dijalankan pada bulan Januari 2014. Walau bagaimanapun, perjalanan pentadbiran Majlis akan berjalan seperti biasa yang tidak melibatkan keputusan Ahli Majlis. Segala aduan boleh disalurkan terus ke Jabatan berkaitan dan hotline MPAJ.

- 2.2. Bagi meningkatkan sasaran dan prestasi kerja, pihak Majlis akan mengadakan Sasaran Kerja Tahunan pada bulan Januari 2014 (9-11 Januari 2014) yang melibatkan semua pengarah dan ketua-ketua jabatan.

Sasaran Kerja merupakan salah satu (1) daripada program tahunan Majlis yang melibatkan pengurusan tertinggi di mana setiap sasaran yang ditetapkan oleh jabatan akan dibincangkan. Hasil penyatuan idea dan perbincangan bersama diharap menjadi satu (1) tindakan yang jelas dan lebih baik dalam melancarkan pelaksanaan kerja diperangkat jabatan khasnya dan diperangkat Majlis amnya.

- 2.3. Sebanyak 167,321 bil Cukai Taksiran telah dikeluarkan oleh MPAJ bermula pada 16 Disember 2013 dan sebahagian daripada pemilik harta telah pun mula menerima bil-bil ini.

Pembayaran boleh dilaksanakan di Kaunter Menara MPAJ dan Cawangan, di semua Kaunter Bayaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor serta semua Pejabat Pos di Selangor dan Kuala Lumpur sahaja. Bagi memudahkan urusan, pemilik harta adalah dinasihatkan untuk menggunakan perbankan internet untuk menjelaskan bayaran. Tarikh akhir bayaran adalah pada 28 Februari 2014. Pemilik harta adalah dinasihatkan untuk membuat bayaran awal bagi mengelakkan kesesakan.

Pihak Majlis ingin mengingatkan bahawa pemilik harta adalah bertanggungjawab terhadap pembayaran bil cukai mereka. Sekiranya bil tersebut tidak diterima, pemilik boleh

berhubung dengan pihak Majlis di talian 03-42968004 atau datang sendiri ke Kaunter Bayaran Majlis untuk mendapatkan salinan.

- 2.4. Pemilik lesen perniagaan juga diingatkan untuk memperbaharui lesen perniagaan sebelum atau pada 31 Disember 2013 bagi mengelakkan dikenakan denda selepas tarikh tersebut. Mulai 1 Januari 2014, bagi permohonan lesen baru akan dikenakan fi lesen baru mengikut Undang- Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007.
- 2.5. Pada 4 Disember 2013 sempena Hari Inovasi MPAJ, pihak Majlis telah melancar dan melaksanakan Sistem MPAJ INTELLIGENT COMMUNITY (“ICOMM”).

Sistem ini membolehkan orang awam menyemak sejarah senarai transaksi dan membuat bayaran berkenaan dengan Kompaun Trafik, Cukai Taksiran dan Sewaan Gerai secara ‘online’.

Dengan menggunakan slogan ‘DAFTAR SEMAK BAYAR’, orang awam hanya perlu mendaftar dengan menggunakan nombor kad pengenalan sahaja. Dengan kemudahan ini, orang awam boleh menyemak harta-hartanah kepunyaan mereka yang berada di bawah pentadbiran MPAJ dengan lebih mudah dan cepat. Penggunaan Sistem “ICOMM” ini dijangka akan lebih diperluaskan lagi bagi pembayaran Sewaan Dewan dan Pelesenan.

Di kesempatan ini, pesalah-pesalah trafik juga diingatkan untuk mengambil peluang membayar kompaun sempena

Kempen Jom Bayar Kompaun RM 30.00 bermula dari 16 Disember 2013 hingga 31 Januari 2014.

- 2.6. Status demam denggi di kawasan pentadbiran MPAJ sehingga kini, didapati 11 lokaliti wabak tidak terkawal dan sebanyak 4 'hot spots' dikenalpasti iaitu Flat Sri Nilam, Chancellor Condo (Taman Kosas), Taman Nirwana dan Taman Cempaka. Penduduk-penduduk kawasan ini dinasihatkan meningkatkan tahap kebersihan di kawasan masing-masing. Bagi kawasan lain supaya berjaga-jaga bagi mengelakkan berlakunya demam denggi.
- 2.7. Tuan Pengurus mengambil kesempatan bagi pihak semua warga Majlis mengucapkan :
 - i. Selamat Menyambut Hari Krismas / Hari Natal kepada semua penganut agama Kristian.
 - ii. Selamat Menyambut Tahun Baru 2014. Semoga impian kita pada tahun 2013 telah pun tercapai selaras dengan target yang ditetapkan.
 - iii. Selamat Menyambut Perayaan Thaipusam (17 Januari 2014) kepada pengganut agama hindu.

3. PENGESAHAN MINIT MESUARAT BIL. 11/2013

Minit Mesuarat Penuh Majlis Bil. 11/2013 bertarikh 28 November 2013 disahkan tanpa pindaan. Minit mesuarat dicadangkan disahkan oleh Tuan Jafrien bin Muhammad dan disokong oleh Tuan Abdul Latif bin Shaari.

4. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5. KERTAS MAKLUMAN MINIT MESUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK) MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 4/2013

Mesuarat Penuh Majlis menerima dan mengambil maklum Minit Mesuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 4/2013 bertarikh 17 Disember 2013.

MAKLUMAN

6. PERTIMBANGAN LAPORAN

6.1. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesuarat Penuh Majlis Bil. 12/2013 bertarikh 24 Disember 2013 meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 12/2013 yang telah diadakan pada 16 Disember 2013 dengan tambahan seperti dibawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh

Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Abdul Aziz bin Ahmad dan Tuan Mohamad bin Samat.

6.1.1. Perkara 2.15.8 di muka surat 67

Puan Sian Keng Eng dan Tuan Wong Khai Pun tidak setuju dengan pengurangan had bagi setiap keilatan bagi Plan 1, Plan 2 dan Plan 3 yang dikemukakan oleh Syarikat Great Eastern Life Assurance bagi insuran hospital dan pembedahan yang ditawarkan pada tahun 2014.

MAKLUMAN

6.2. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 12/2013 bertarikh 24 Disember 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 12/2013 yang telah diadakan pada 18 Disember 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Haji Meor Rithuan bin Mohamed Said dan disokong oleh Tuan Razali bin Ramly dan Puan Sian Keng Eng.

MAKLUMAN

6.3. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 12/2013 bertarikh 24 Disember 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 12/2013 yang telah diadakan pada 18 Disember 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Mohamad bin Samat dan disokong oleh Puan Sian Keng Eng.

MAKLUMAN

6.4. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 12/2013 bertarikh 24 Disember 2013 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 23/2013 dan bil. 24/2013 bertarikh 9 Disember 2013 dan 20 Disember 2013.

MAKLUMAN

7. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD

Tuan Abdul Aziz bin Ahmad mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan beliau pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 12/2013. Dalam ucapan penangguhan beliau menyampaikan perkara berikut:

- 7.1. Beliau merasa amat berat hati untuk memberi ucapan penangguhan sebagai penutup tirai kerana beliau telah berkhidmat hampir 6 tahun sebagai Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Secara peribadi beliau telah melalui berbagai jenis pengalaman, pengajaran, tunjuk ajar dan kejayaan bersama-sama dengan kakitangan MPAJ di semua peringkat serta rakan Ahli Majlis semua.
- 7.2. Selama 6 tahun berkhidmat di MPAJ, beliau mendapati MPAJ mempunyai individu-individu yang sangat berkebolehan dan berpengetahuan yang menjadi aset penting ke arah menyumbangkan kejayaan kepada Majlis.
- 7.3. Beliau turut menyatakan kemudahan-kemudahan rawatan kesihatan yang diberikan kepada kakitangan Majlis dan tanggungan melalui syarikat adalah di antara yang terbaik di dalam PBT di Negeri Selangor. Ini dapat dilaksanakan kerana kita mempunyai hubungan yang baik di antara kakitangan bersama pengurusan tertinggi termasuk Ahli Majlis yang memutuskan dasar dan halatuju Majlis serta sistem urus tadbir kewangan yang cekap.
- 7.4. Seterusnya, beliau menyatakan jawatan dan tugas yang dipikul adalah satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab dan ikhlas. Pertolongan Tuhan mungkin tidak datang terlalu cepat, tidak juga terlambat. Pertolongan Tuhan selalu datang di saat yang tepat selagi kita percaya kepadanya.

- 7.5. Penubuhan pelbagai taskforce yang diketuai oleh Ahli Majlis telah dapat membantu dan menyelesaikan banyak perkara dan masalah yang dihadapi sebelum ini serta dapat membantu Majlis di dalam meningkatkan hasil pendapatan Majlis untuk digunakan bagi kesejahteraan rakyat. Beliau berharap kewujudan pasukan taskforce dapat diteruskan di masa yang akan datang.
- 7.6. Di samping itu, kewujudan sistem aduan berkomputer, kenaikan kadar gaji dan elauan serta kekosongan pelbagai jawatan baru dapat membantu pihak jabatan dan Majlis untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan selaras dengan permintaan yang tinggi dari pembayar-pembayar cukai.
- 7.7. Seterusnya, beliau mencadangkan isu-isu yang dibangkitkan di dalam mesyuarat jawatankuasa diambil tindakan dan kemajuan tindakan dimaklumkan kepada Ahli Majlis kawasan terbabit. Bukan hanya dibentangkan pada mesyuarat jawatankuasa bulanan yang berikutnya kerana tempoh sebulan itu adalah terlalu lama untuk dimaklumkan kepada pengadu dan masyarakat.
- 7.8. Sebelum mengakhiri ucapannya, beliau mengambil kesempatan bagi pihak semua Ahli Majlis mengucapkan terima kasih kepada setiap individu dan kakitangan dari pekerja am sehinggalah TYDP yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam membantu beliau dan semua Ahli Majlis dalam menjalankan tugas.

- 7.9. Kepada rakan Ahli Majlis, diucapkan terima kasih di atas segala kerjasama dan sokongan dan kemaafan di atas segala kesalahan yang mungkin timbul semasa melaksanakan tugas. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Taskforce Billboard dan Menara Telekomunikasi dan petugas Urusetia Billboard dan juga kepada kakitangan Bahagian Urusetia MPAJ yang banyak membantu.
- 7.10. Beliau berkeyakinan semua Ahli Majlis Baru 2014 yang bakal dilantik dapat meneruskan perjuangan dan mampu membawa nama MPAJ ke tahap yang lebih tinggi.
- 7.11. Beliau mengambil kesempatan memohon kemaafan dari setiap warga MPAJ dan masyarakat Ampang Jaya di atas segala ketelanjuran, bahasa, tingkahlaku dan makan minum dan hak-hak semua yang tidak dapat disempurnakan sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Ahli Majlis di MPAJ. Setiap pertemuan, pasti ada perpisahan. Beliau akan sematkan ingatan dan pengalaman berharga ini jauh di lubuk dan ditemukan semula dalam suasana yang lain.
- 7.12. Beliau akhiri dengan bait-bait berikut:-

Jiwa akan sepi tanpa teman.
Hati akan mati tanpa iman.
Hari ini adalah kenyataan, semalam adalah kenangan.
Sucikan hati, jernihkan fikiran.
Seiring dengan perginya kenangan, menyambut harapan.
Selamat tinggal kenangan, selamat datang harapan.
Sambutlah Tahun Baru 2014 dengan Senyuman.

8. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.42 pagi.

Disediakan oleh:-

Urusetia Mesyuarat

Bahagian Urusetia
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

..... dan disokong oleh

(HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN)

Pengerusi Mesyuarat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

*Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPM 12 2013 – 24.12.2013.*

**MAJLIS PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN (ANGKAT SUMPAH) SEBAGAI
AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA SESI 2014/2015**

TARIKH : 20 FEBRUARI 2014

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Hj. Abd. Hamid bin Hussain
Timbalan Yang DiPertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Abdul Jalil bin Hasan | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 7. | Tn. Mohamad bin Samat | - | " |
| 8. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 9. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 10. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 11. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 12. | Pn. Sharifah Haslizah binti Syed Ariffin | - | " |
| 13. | Tn. Azlan bin Maddin | - | " |
| 14. | Tn. Ramlie bin Md Said | - | " |
| 15. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 16. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |

TURUT HADIR (LUARAN)

1. YB. Tn. Khasim bin Abdul Aziz
ADUN Lembah Jaya
2. YB. Pn. Tiew Way Keng
ADUN Teratai

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarordin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Johari bin Atli
Jabatan Undang-Undang
3. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
4. En. Addy Hissham bin Elias
Jabatan Penguatkuasa
5. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan
6. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
7. En. Mohd Fazrin bin Rahman
Bahagian Audit Dalam
8. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat
9. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
10. En. Khairul Azmi bin Abd. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
11. Pn. Zuraina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
12. Pn. Lily Hamaddah binti Ramle
Bahagian OSC

13. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
14. En. Ahmad Alhairi bin Mohamed Yusof
Jabatan Bangunan dan Senibina
15. Pn. Siti Aishah binti Salim
Jabatan Undang-Undang
16. Pn. Mastura binti Ishak
Bahagian Ukur Bahan
17. En. Rosli bin Jaafar
Jabatan Penguatkuasa
18. Pn. Norlela binti Kamsi
Bahagian Urusetia - Urusetia
19. Pn. Noryani binti Roslan
Bahagian Urusetia - Urusetia
20. Pn. Ruslina binti Abd.Rahim
Bahagian Urusetia - Urusetia
21. Pn. Asda Yanti binti Abdullah
Bahagian Urusetia - Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh En. Abd. Karim bin Abidin

**2. MAJLIS PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN (ANGKAT SUMPAH)
SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA SESI
2014/2015**

- 2.1. Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Timbalan Yang Di Pertua mengangkat sumpah menerima jawatan menjalankan tugas sebagai Yang DiPertua Majlis mengikut Peruntukan Seksyen 11, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

- 2.2. Lima belas (15) orang Ahli Majlis bagi sesi 2014/2015 membuat pengakuan menerima jawatan (Angkat Sumpah) sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya sepetimana peruntukan Seksyen 11 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis yang telah melafazkan pengakuan dan menandatangani Borang A dalam Jadual Pertama Akta 171 iaitu:-
 - 2.2.1. Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan
 - 2.2.2. Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said
 - 2.2.3. Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan
 - 2.2.4. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal
 - 2.2.5. Pn. Sian Keng Eng
 - 2.2.6. Tn. Mohamad Bin Samat
 - 2.2.7. Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis
 - 2.2.8. Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar
 - 2.2.9. Tn. Lim Fong Len
 - 2.2.10. Tn. Ho Ah Ngoh
 - 2.2.11. Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin
 - 2.2.12. Tn. Azlan Bin Maddin
 - 2.2.13. Tn. Ramli Bin Md Said
 - 2.2.14. Tn. Dr. Lai Fatt Sian
 - 2.2.15. Pn. Yogayswari a/p Ramalu
- 2.3. Ahli-Ahli Majlis juga menandatangani perakuan untuk Pegawai Awam berkenaan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Aku Janji Integriti.

3. UCAPAN PENGERUSI

Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya Sesi 2014/2015. Dalam ucapan amanat kepada semua Ahli Majlis :

- 3.1. Tuan Pengerusi mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada 15 dari 17 Ahli Majlis yang dilantik kerana menerima tawaran daripada Kerajaan Negeri untuk menjadi Ahli Majlis dan dapat bersama-sama dengan warga MPAJ dalam mengurus dan mentadbir untuk menjadikan Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang terbaik.
- 3.2. Tuan Pengerusi mengharapkan kepada Ahli-Ahli Majlis lama yang dilantik semula dapat memberi atau menurunkan pengalaman dan pengetahuan kepada Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik. Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik pula diharap dapat menerima perlantikan dan cabaran ini untuk menjadi Ahli Majlis yang dapat memberi perkhidmatan yang terbaik.
- 3.3. Perlantikan Ahli Majlis adalah sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan demi kepentingan MPAJ dan 'Stake Holders' serta masyarakat yang memiliki pegangan, berurusan dan tinggal di kawasan ini. Beliau berharap semua yang ada di sini mesti mengutamakan kepentingan masyarakat dan organisasi daripada kepentingan diri. Setiap tindakan perlu dijaga dan demi kepentingan yang disebutkan tadi.

- 3.4. Tuan Pengerusi menyatakan dalam mentadbir sebuah Pihakberkuasa Tempatan khusunya MPAJ banyak cabaran perlu ditempuhi. Mengatasi cabaran dan masalah tersebut tidak hanya berdasarkan kepada kedudukan kewangan semata-mata tetapi berbagai faktor yang lain. Cabaran kita antaranya adalah menghadapi pertambahan penjaja, peningkatan kes demam denggi, meningkatkan tahap kebersihan kawasan, dan premis-premis makanan, menaiktaraf kemudahan infrastruktur dan lain-lain yang berkaitan dibawah tanggungjawab Majlis termasuklah penyelenggaraan cerun. Cabaran yang besar juga adalah menguruskan MPAJ ini dengan lebih cemerlang dengan sumber kewangan yang terhad.
- 3.5. Tuan Pengerusi mengharapkan agar semua Ahli Majlis dapat fikirkan dan usahakan untuk beri perkhidmatan terbaik menggunakan kos yang seminimum mungkin dan segala kerja yang dibuat adalah berdasarkan '*value for money*' serta mengikut keutamaan.
- 3.6. Cabaran seterusnya adalah untuk mendidik dan mendapatkan kerjasama masyarakat agar mereka juga dapat membantu MPAJ dalam usaha-usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan. Sebagai contohnya masyarakat perlu menjayakan kempen kitar semula, membantu menjaga kawasan agar tiada aktiviti '*illegal dumping*' pembuangan sampah haram, mengatasi masalah '*vandalisme*' kepada harta-harta awam MPAJ. Contoh iklan-iklan ahlong, menjaga premis mereka dari tempat pemberian nyamuk aedes, membersihkan kawasan rumah atau tanah kosong yang

mereka miliki serta kurangkan tabiat membeli dari peniaga/penjaja tanpa lesen. Menjalankan ubahsuai dengan kelulusan dan lain-lain. Pemikiran yang kreatif dan inovatif perlu digalakkan. Usaha-usaha perlu dibuat bagaimana untuk menambahkan pendapatan hasil tetapi berbelanja dengan kos yang terbaik.

- 3.7. Harapan kepada semua Ahli-ahli Majlis dapat bersama memainkan peranan demi mencapai matlamat, visi dan misi MPAJ iaitu menjadikan perbandaran Ampang Jaya makmur dan harmoni, menyediakan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti bagi memastikan warga Ampang Jaya menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera.
- 3.8. Bagi merealisasikan tugas dan tanggungjawab Majlis dan peranan Ahli-ahli Majlis, adalah dicadangkan Jawatankuasa sama seperti sesi yang lepas. Walaubagaimanapun keahliannya akan berubah dari semasa ke semasa berdasarkan kepada kesesuaian.
- 3.9. Tuan Pengurus turut menyentuh berhubung dengan JKP, di mana dicadangkan untuk diselaraskan semula zon dan Ahli Majlis dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang. Peranan dan tanggungjawab JKP pula disemak dengan lebih terperinci agar ianya selari dengan tujuan penubuhannya supaya ia sebagai penghubung antara penduduk dengan pihak MPAJ. Perbelanjaan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan hendaklah selaras dengan peranannya.

3.10. Tuan Pengurus mengakhiri ucapannya dengan harapan semua Ahli Majlis untuk meneruskan usaha dan kerja dengan niat yang baik demi untuk MPAJ dan masyarakat serta untuk Kerajaan Negeri dan Negara kita dengan budi bahasa serta adab sopan yang baik.

4. PENGESAHAN SENARAI JAWATANKUASA DAN KEAHLIAN MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL MAJLIS SESI 2014/2015

Mesyuarat menerima senarai Jawatankuasa dan Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Majlis Sesi 2014/2015 seperti di **Lampiran 1**. Mesyuarat bersetuju bahawa keahlian Jawatankuasa ini boleh dipinda dari masa ke semasa dan dimaklumkan kepada Mesyuarat Penuh Majlis.

5. HAL-HAL LAIN

Ahli-Ahli Majlis turut membangkitkan kawasan Zon JKP dan Mesyuarat memutuskan perkara tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan yang akan datang setelah mendapatkan pandangan semua Ahli Majlis berkenaan kawasan zon dengan kedudukan Ahli Majlis seramai 15 orang.

6. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada 11.03 pagi.

Disediakan oleh:-

Urusetia Mesyuarat

Bahagian Urusetia
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh
.....dan disokong oleh

(HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN)

Pengerusi Mesyuarat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

*Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Majlis Angkat Sumpah AM Sesi 2014/2015- 20.2.14.*

LAMPIRAN 1

**SENARAI KEANGGOTAAN
MESYUARAT PENUH DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI SESI 2014/2015**

1. MESYUARAT PENUH MAJLIS

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA/TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN
4. TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID
5. PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN
6. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL
7. PN. SIAN KENG ENG
8. TN. MOHAMAD BIN SAMAT
9. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS
10. TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR
11. TN. LIM FONG LEN
12. TN. HO AH NGOH
13. PN. SHARIFAH HASLIZAH BINTI SYED ARIFFIN
14. TN. AZLAN BIN MADDIN
15. TN. RAMLI BIN MD SAID
16. TN. DR. LAI FATT SIAN
17. PN. YOGAYSWARI A/P RAMALU

2. MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN
4. PN. SIAN KENG ENG
5. PTG SELANGOR
6. JPBD SELANGOR
7. PTD HULU LANGAT
8. PTD GOMBAK
9. JKR HULU LANGAT
10. JKR GOMBAK
11. JPS HULU LANGAT
12. JPS GOMBAK
13. JMG
14. BOMBA
15. SYABAS
16. TNB
17. IWK
18. IKRAM
19. POS
20. TELEKOM
21. POLIS
22. JABATAN ALAM SEKITAR
23. SURUHANJAYA KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA
24. PENGARAH JABATAN PERANCANG BANDAR MPAJ
25. PENGARAH JABATAN BANGUNAN DAN SENIBINA MPAJ
26. PENGARAH JABATAN KEJURUTERAAN MPAJ
27. PENGARAH JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
MPAJ

28. PENGARAH JABATAN UNDANG-UNDANG
29. KETUA BAHAGIAN UNIT LANDSKAP
30. KETUA BAHAGIAN OSC (URUSETIA)

3. MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID
4. PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASAN
5. PN. SIAN KENG ENG
6. TN. DR. LAI FATT SIAN
7. TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR
8. PN. SHARIFAH HASLIZAH BINTI SYED ARIFFIN
9. TN. AZLAN BIN MADDIN
10. TN. HO AH NGOH

4. MESUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN
4. PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN
5. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL
6. PN. SIAN KENG ENG
7. TN. MOHAMAD BIN SAMAT
8. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS
9. TN. LIM FONG LEN
10. PN. SHARIFAH HASLIZAH BINTI SYED ARIFFIN
11. TN. AZLAN BIN MADDIN

**5. MESUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN**

1. YANG DIPERTUA
2. KETUA POLIS DAERAH (TIMBALAN PENGERUSI – LESEN HIBURAN)
3. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
4. TN. HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN
5. TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID
6. TN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN
7. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL
8. PN. SIAN KENG ENG
9. TN. RAMLI BIN MD SAID
10. TN. DR. LAI FATT SIAN
11. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS
12. PN. YOGAYSWARI A/P RAMALU

**6.. MESUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN**

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN
4. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL
5. TN. MOHAMAD BIN SAMAT
6. TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR
7. TN. LIM FONG LEN
8. TN. DR. LAI FATT SIAN
9. TN. AZLAN BIN MADDIN
10. TN. RAMLI BIN MD. SAID
11. PN. YOGAYSWARI A/P RAMALU
12. TN. HO AH NGOH

**7. MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN
DAN BINAAN TANPA IZIN**

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID
4. TN. MOHAMAD BIN SAMAT
5. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS
6. TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR
7. TN. LIM FONG LEN
8. TN. HO AH NGOH
9. PN. SHARIFAH HASLIZAH BINTI SYED ARIFFIN
10. TN. RAMLI BIN MD. SAID
11. PN. YOGAYSWARI A/P RAMALU

**8. MESUARAT JAWATANKUASA PERJAWATAN DAN PEMBANGUNAN
MODAL INSAN**

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA MAJLIS
3. TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID

9. MESUARAT JAWATANKUASA LEMBAGA TATATERTIB

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA MAJLIS
3. AHLI MAJLIS

5.1.
KERTAS MAKLUMAN PERUBAHAN AHLI-
AHLI MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BIL.1/2014

**KERTAS MAKLUMAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL 1/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**MAKLUMAN PERUBAHAN AHLI-AHLI
MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BIL 1/2014**

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil 1/2014 berhubung Perubahan Ahli-Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya seterusnya mendapatkan pengesahan Ahli Mesyuarat Penuh.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Cadangan Jawatankuasa dan Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Majlis 2014/2015 telah dibentangkan semasa Majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya sesi 2014/2015. Perbincangan telah dilaksanakan dan perubahan senarai ahli-ahli mesyuarat Jawatankuasa Majlis dipinda mengikut kesesuaian seperti di lampiran.

- 2.2 Senarai Jawatankuasa Mesyuarat akan dipinda dari masa ke semasa mengikut kesesuaian.

3.0 **PENUTUP**

Kertas ini dikemukakan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk makluman dan pengesahan.

*Disediakan oleh
Bahagian Urus setia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
26 Februari 2014*

LAMPIRAN

**SENARAI KEANGGOTAAN
MESYUARAT PENUH DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI SESI 2014/2015**

1. MESYUARAT PENUH MAJLIS

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA/TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID
4. TN.AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR
5. TN. LIM FONG LEN
6. TN. HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN
7. PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN
8. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL
9. PN. SIAN KENG ENG
10. TN. MOHAMAD BIN SAMAT
11. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS
12. TN. HO AH NGOH
13. PN.SHARIFAH HASLIZAH BINTI SYED ARIFFIN
14. TN.AZLAN BIN MADDIN
15. TN. RAMLI BIN MD SAID
16. TN. DR. LAI FATT SIAN
17. PN. YOGAYSWARI A/P RAMALU

2. MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HJ MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID
4. TN. LIM FONG LEN
5. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS
6. PTG SELANGOR
7. JPBD SELANGOR
8. PTD HULU LANGAT
9. PTD GOMBAK
10. JKR HULU LANGAT
11. JKR GOMBAK
12. JPS HULU LANGAT
13. JPS GOMBAK
14. JMG
15. BOMBA
16. SYABAS
17. TNB
18. IWK
19. IKRAM
20. POS
21. TELEKOM
22. POLIS
23. JABATAN ALAM SEKITAR
24. SURUHANJAYA KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA
25. PENGARAH JABATAN PERANCANG BANDAR MPAJ.
26. PENGARAH JABATAN BANGUNAN DAN SENIBINA MPAJ.
27. PENGARAH JABATAN KEJURUTERAAN MPAJ.

28. PENGARAH JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA MPAJ.
29. PENGARAH JABATAN UNDANG-UNDANG.
30. KETUA BAHAGIAN UNIT LANDSKAP.
31. KETUA BAHAGIAN OSC (URUSETIA).

4. MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID
4. TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR
5. PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASAN
6. PN. SIAN KENG ENG
7. TN. HO AH NGOH
8. TN. DR. LAI FATT SIAN
9. TN. RAMLI BIN MD. SAID

4. MESUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID
4. TN. LIM FONG LEN
5. TN. HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN
6. PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN
7. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL
8. PN. SIAN KENG ENG
9. TN. MOHAMAD BIN SAMAT
10. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS
11. PN. SHARIFAH HASLIZAH BINTI SYED ARIFFIN
12. TN. AZLAN BIN MADDIN

**5. MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN**

1. YANG DIPERTUA
2. KETUA POLIS DAERAH (TIMBALAN PENGERUSI – LESEN HIBURAN)
3. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
4. TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID
5. TN. HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN
6. TN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN
7. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL
8. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS
9. PN. SIAN KENG ENG
10. TN.DR. LAI FATT SIAN
11. PN. YOGASWARI A/P RAMALU
12. TN. AZLAN BIN MADDIN

**6. MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN**

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR
4. TN. LIM FONG LEN
5. TN. HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN
6. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL
7. TN. MOHAMAD BIN SAMAT
8. TN. HO AH NGOH
9. TN. DR.LAI FATT SIAN
10. TN. AZLAN BIN MADDIN
11. TN. RAMLI BIN MD. SAID
12. PN. YOGAYSWARI A/P RAMALU
13. PN. SHARIFAH HASLIZAH BINTI SYED ARIFFIN

**7. MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA
3. TN. LIM FONG LEN
4. TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR
5. TN. MOHAMAD BIN SAMAT
6. TN. HO AH NGOH
7. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS
8. PN. SHARIFAH HASLIZAH BINTI SYED ARIFFIN
9. TN. YOGAYSWARI A/P RAMALU
10. TN. RAMLI BIN MD SAID

8. MESYUARAT JAWATANKUASA PERJAWATAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA MAJLIS
3. PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN

9. MESYUARAT JAWATANKUASA LEMBAGA TATATERTIB

1. YANG DIPERTUA
2. SETIAUSAHA MAJLIS
3. TN. RAMLI BIN MD.SAID

5.2.
KERTAS CADANGAN PERLANTIKAN
AHLI MAJLIS SELAKU KETUA ZON
JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP)

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL 1/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**KERTAS CADANGAN PERLANTIKAN AHLI MAJLIS SELAKU KETUA
ZON JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP)**

JABATAN BELIA DAN MASYARAKAT

1. TUJUAN

Kertas makluman perlantikan Ahli Majlis selaku Ketua Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) bagi sesi 2014/2015 dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Penuh Majlis bil 1/2014.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Melalui Majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sesi 2014/2015 pada 18 Februari 2014 telah meluluskan senarai nama seramai 15 orang Ahli Majlis.
- 2.2 Sebanyak sembilan (9) zon yang masih belum mempunyai Ahli Majlis / Ketua Zon iaitu Zon 2,3,7,8,9,10,13,14 dan 20.
- 2.3 Kawasan persempadanan zon juga telah dikemaskini memandangkan terdapat penambahan kawasan taman-taman baru.

3. ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 3.2 Majlis Perlantikan Ahli Majlis sesi 2014/2015 pada 18 Februari 2014.
- 3.3 Garis Panduan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ.

4. SYOR

Disyorkan nama-nama Ahli Majlis dan zon adalah seperti dilampirkan. Bagi zon-zon yang kosong akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan pada bulan Mac 2014.

5. PENUTUP

Kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 1/2014.

5.3.
**PEMAKLUMAN DAN PENERANGAN
KRITERIA INDEKS AKAUNTABILITI 2014**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL. 01/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**PEMAKLUMAN DAN PENERANGAN KRITERIA INDEKS
AKAUNTABILITI 2014**

JABATAN PERBENDAHARAAN

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk memaklumkan perkara yang diliputi dalam melaksanakan Indeks Akauntabiliti (IA) Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan IA berdasarkan kepada pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terhadap pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit serta aset, inventori dan stor.

3.0 ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

3.1 Pengurusan Kewangan Majlis adalah dinilai berdasarkan sembilan(9) kriteria bagi setiap indikator yang ditetapkan. Hasil penilaian akan diberikan skor di antara 1 hingga 4 bintang. Kriteria lengkap adalah seperti di [indeks akauntabiliti.pdf](#)

4.0 **PENUTUP**

Ahli Mesyuarat Penuh Majlis adalah dipohon untuk mengambil maklum kriteria Indeks Akauntabiliti 2014 untuk pematuhan dan pelaksanaan dalam semua hal-hal berkaitan pengurusan kewangan Majlis.

Disediakan oleh :
Maruziaton binti Omar
Penolong Akauntan Kanan
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
28 Februari 2014

Disemak oleh :
Farhana binti Osman
Akauntan
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
28 Februari 2014

Disahkan oleh:
Maizatul Hanisa binti M. Isa
Pengarah
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
28 Februari 2014

6.1.
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.1/2014**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.1/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 24 FEBRUARI 2014

MASA : 2.30 PETANG - 4.25 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal, PPN | - | " |
| 6. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 7. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 8. | Tn. Ramli Bin Md Said | - | " |
| 9. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 10. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.01/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.01/2014 telah diadakan pada 24 Februari 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN
PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN-URUTAN
TRADISIONAL**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan-urutan tradisional bagi tahun 2014.

2.1.2 Mesyuarat memutuskan bagi permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan-urutan tradisional adalah seperti berikut :

- i) Perkhidmatan Perubatan Tradisional BT – Lulus dengan syarat kemukakan sijil kelayakan
- ii) Variante Tech Sdn.Bhd. – Lulus
- iii) Indah Traditional Health Care – Lulus
- iv) Urut Traditional Tai Peh – Lulus

2.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER/ KAFE SIBER

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber/ kafe siber tahun 2014.

2.2.2 Mesyuarat memutuskan bagi permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber/ kafe siber seperti berikut :

- i) **Prima Unity Resources Sdn.Bhd** – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun
- ii) **Prelude Station Sdn.Bhd.** – Lulus
- iii) **MRD Net Services** - Lulus
- iv) **I Code Internet** – Lulus
- v) **SGR Multitech Sdn.Bhd.** – Lulus

**2.3 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT
HIBURAN – PUSAT HIBURAN ISTIREHAT –KAFE**

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan istirahat- Kafé bagi tahun 2014.

2.3.2 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat hiburan Istirehat –Cafe oleh Lucky Star Karaoke & Kafe, Star Wish cafe dan Star Dice..

**2.4 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT
HIBURAN – PUSAT HIBURAN AWAM –BOLING**

2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan awam – Boling bagi tahun 2014.

2.4.2 Mesyuarat memutuskan bagi permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan- Pusat hiburan awan – Boling adalah seperti berikut:-

- i) **Royel Department Stores Sdn.Bhd.** (Ampang Point) – Lulus sehingga 30 Jun 2014 (ubahsuai bangunan)
- ii) **Royel Department Stores Sdn.Bhd.** (Flamingo) – Lulus

**2.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN
BARANG-BARANG LUSUH (BESI BURUK)**

- 2.5.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan barang-barang lusuh (Besi buruk) bagi tahun 2014.
- 2.5.2 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan barang-barang lusuh (Besi Buruk) oleh M Mahan Enterprise bagi tahun 2013 dan 2014 dengan syarat
- i) menjaga kebersihan premis sepanjang tempoh operasi
 - ii) mengemukakan permit barang lusuh terbaru dari PDRM

**2.6 PERMOHONAN BARU LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN
PUSAT HIBURAN KELUARGA – PERMAINAN KANAK-KANAK**

- 2.6.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan pusat hiburan keluarga - Permainan Kanak-kanak bagi tahun 2014.
- 2.6.2 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan pusat hiburan keluarga - Permainan Kanak-kanak oleh Kurnia Sinar Resources dan Nagasari Jaya Enterprise.

2.7 PERMOHONAN BARU LESEN PREMIS PERNIAGAAN BARANG-BARANG LUSUH (BESI BURUK)

- 2.7.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan baru lesen premis perniagaan barang-barang lusuh (Besi Buruk) bagi tahun 2014.
- 2.7.2 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan permohonan baru lesen premis perniagaan barang-barang lusuh (Besi Buruk) Oleh Sri Lakshmi Metal.

2.8 KERTAS MAKLUMAN KELULUSAN PEMBAHARUAN LESEN-LESEN RISIKO PADA BULAN JANUARI 2014 OLEH PIHAK BERKUASA MELESEN/PEGAWAI PELESEN

- 2.8.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas makluman kelulusan pembaharuan lesen-lesen risiko pada bulan Januari 2014 oleh Pihak Berkuasa Melesen/Pegawai Pelesen
- 2.8.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 12/2013 yang telah bersidang pada 18 Disember 2013 telah membincangkan dan bersetuju supaya mana-mana permohonan pembaharuan lesen 2014 atau permohonan lesen baru yang **tidak melibatkan sebarang perubahan dasar**, dipertimbangkan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen / Pegawai Pelesen sehingga lantikan Ahli Majlis disempurnakan.

Ini adalah bagi mengelakkan terdapat kelewatan dalam memproses sebarang permohonan lesen risiko.

2.8.3 Secara keseluruhannya, sebanyak **107 permohonan** telah dibentangkan dan dipertimbangkan untuk keputusan oleh Pihak Berkuasa Melesen / Pegawai Pelesen pada **28 Januari 2014**.

2.8.4 Mesyuarat bersetuju mengambil maklum kelulusan pembaharuan lesen-lesen risiko pada bulan Januari 2014 oleh Pihak Berkuasa Melesen/Pegawai Pelesen.

3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :

3.1. KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN JALAN MULIA 1/1

Pihak jabatan telah memaklumkan kepada peniaga gerai statik di persimpangan Jalan Mulia dan Jalan Mulia 1/1 secara lisan dan bertulis pada 12 Disember 2013 berkenaan status tanah yang dijadikan tempat bermiaga adalah bangunan kediaman dengan pajakan 99 tahun. Tempoh pertukaran status pemilikan tanah yang diberikan kepada pemilik tanah adalah sehingga 31 Disember 2013. Peniaga (penyewa tanah) telah membuat rayuan pada 31 Disember 2013 untuk terus bermiaga di atas tanah tersebut.

Makluman

3.2. TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAI

Jabatan memaklumkan belum ada sebarang maklum balas diterima berkenaan tapak cadangan untuk dijadikan tapak bernesiga di Ampang Campuran di simpang empat menuju Ampang Avenue, Pihak Majlis telah menghantar permohonan untuk menukar status tanah tersebut kepada tanah perniagaan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat. Pihak PTD memaklumkan permohonan akan dibuat kepada pihak SUK Selangor dan perkara ini akan diputuskan dalam mesyuarat MMKN Negeri.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3. SESI PENDENGARAN AWAM ISU PASAR MALAM

Berhubung isu penutupan semua pasar malam di AU1 Keramat, jabatan masih mengekalkan keputusan untuk menutup pasar malam ini. Perbincangan juga telah diadakan selepas itu. Walau bagaimanapun tiada keputusan untuk membatalkannya.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.4. KUTIPAN DUIT PENYELENGGARAAN DI KAWASAN RUMAH KEDAI

Berhubung aktiviti mengutip duit penyelenggaraan di kawasan rumah kedai di Pandan Perdana (berhampiran pejabat Lim Ah Chai) oleh pihak-pihak tertentu, jabatan telah mengeluarkan surat kepada pihak JMB untuk membuat laporan polis. Jabatan memaklumkan laporan polis hanya boleh dibuat oleh pemilik premis sahaja. Mesyuarat

memohon agar pihak polis dapat membantu dalam menyelesaikan isu ini.

Makluman

3.5. PENIAGA HARAM DI FLAT AR RIDHUAN

Pemantauan yang dijalankan oleh jabatan di kawasan rumah kedai Flat Ar Ridhuan, Hulu Kelang mendapati pemilik premis masih gagal mematuhi arahan notis iaitu pemilik premis dikehendaki merobohkan/membuka sambungan yang dibina tanpa kebenaran MPAJ dalam tempoh 7 hari. Pihak JMB juga tidak menyokong sambungan tersebut. Pihak jabatan akan mengeluarkan notis kepada pihak JMB untuk meruntuhkan sambungan yang dibina oleh pemilik kedai di atas siar kaki.

Tindakan:
Bahagian COB
Jabatan Penguatkuasa

3.6. GERAI HARAM DI SEKITAR TAMAN PERMATA

Jabatan telah mengambil tindakan terhadap peniaga haram di hadapan pasaraya Giant dan Seven Eleven Taman Permata dengan telah mengeluarkan 3 notis, 2 kompaun dan 3 kali tindakan sitaan. Tindakan berterusan dan berkala akan dilaksanakan memandangkan terdapat penjaja yang tidak mengikut peraturan dan arahan majlis.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.7. TINDAKAN PENGUATKUASAAN PENDATANG TANPA IZIN

Berhubung isu pendatang tanpa izin di Flat Taman Mestika, pemantauan yang dijalankan oleh jabatan pada 10 Disember 2013 dan 22 Disember 2013 mendapati kawasan ini kebanyakannya di diam oleh warga Myanmar yang memegang status UNHCR. Tindakan bersama Jabatan Imegresen akan dilaksanakan setelah maklumbalas dari pihak Imegresen diterima.

**Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa**

3.8. GERAI HARAM DI AU3/1 TAMAN KERAMAT

Jabatan dalam proses penyusunan dan mengeluarkan lesen penjaja sementara bagi 5 penjaja sementara di tapak letak kereta AU3/1 Taman Keramat. Jabatan juga akan memberikan penempatan bagi Restoren Aladdin iaitu di gerai majlis. Notis juga telah dikeluarkan terhadap bengkel kereta yang membuat kacau ganggu dan akan diteruskan dengan tindakan penguatkuasaan sekiranya bengkel tersebut tidak mematuhi arahan notis.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.9. MOHON SEMAKAN BOT TAMAN MUDA

Jabatan memaklumkan terdapat 33 penjaja yang beroperasi di BOT Taman Muda. 15 penjaja telah memperbaharui lesen manakala 18 penjaja lagi belum berbuat demikian. Notis telah dikeluarkan dan tindakan penguatkuasaan akan

dilaksanakan sekiranya penjaja gagal mematuhi arahan notis tersebut.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.10. GERAJ HARAM DIDIRIKAN DI ATAS TEMPAT LETAK KENDERAAN

Rayuan peniaga yang mendirikan gerai di tempat letak Flat Taman Nirwana telah ditolak . Tindakan sitaan tempat cuci pinggan telah dilaksanakan pada 24 Februari 2014.

Makluman

3.11. ADUAN KEDAI HARAM

Semakan jabatan pada 16 Januari 2014 di Lorong K1, Kg Pandan mendapati tiada sebarang aktiviti perniagaan di tempat awam terutamanya di atas jalan tersebut.

Makluman

3.12 PENJUALAN ARAK DI PASARAYA KK MART

Notis pembatalan lesen telah dikeluarkan kepada 8 premis pasar raya KK Mart atas kesalahan menjual minuman keras tanpa kelulusan PTDHL.

Pihak Majlis telah memaklumkan dalam Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Hulu Langat pada 23.12.2013 berkaitan operasi / sitaan. Pihak PTDHL memaklumkan operasi akan dijalankan dalam tahun 2014. Operasi bersepadu bersama PTDHL akan dilaksanakan dalam bulan Februari 2014.

Tindakan :
Jabatan Pelesenan

3.13 GERAH HARAM

Tindakan berterusan dan berkala akan dilaksanakan terhadap gerai-gerai haram yang didirikan di Jalan Perdana 9/10 di tepi Flat LC 700.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.14 GARISPANDUAN PENJUALAN MINUMAN ARAK

Garis panduan pelesenan minuman keras dari PTDHL akan diedarkan pada Mesyuarat Penuh Majlis. Pihak jabatan diminta meletakkan syarat tambahan iaitu pengasingan rak dan pintu bagi penjualan beer (dalam peti sejuk dan sebagainya).

Makluman

3.15 WANG CAGARAN PILIHANRAYA

Berkenaan isu wang cagaran di Dun Bukit Antarabangsa tidak dikembalikan, jabatan memaklumkan masih beum menerima permohonan tuntutan semula wang cagaran pilihanraya yang berkaitan.

Makluman

3.16 PEROBOHAN KUIL INDIA DI TASEK PERMAI

Jabatan memaklumkan tindakan akan dilaksanakan oleh pihak PTDHL berkenaan isu perobohan kuil India di Tasek Permai yang didirikan di bawah rezab TNB bagi memberi laluan kepada TNB.

Makluman

3.17 LESEN PERNIAGAAN KEDAI KERANDA

Pemilik kedai keranda yang beroperasi di kawasan Apartment Glenview dan Bukit Pandan akan berpindah ke lokasi yang lebih sesuai dalam tempoh 2 bulan (Jan-Feb 2014). Tiada aktiviti pengurusan mayat dan jualan keranda dalam tempoh tersebut di premis.

Pemohon akan memulakan pejabat urusan di tingkat atas dan tingkat bawah akan disewakan kepada orang lain.

Makluman

3.18 KEDAI JUAL ARAK DI PANDAN JAYA

Permohonan lesen minuman keras oleh kedai arak di Pandan Jaya telah ditolak dalam Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Hulu Langat di PTDHL pada 23 Disember 2013 kerana telah mendapat aduan penduduk. Notis pembatalan lesen telah dikeluarkan kepada pemohon pada 24 Oktober 2013 atas kesalahan:

a) menjalankan perniagaan minuman keras di premis sedangkan lesen yang diluluskan adalah kedai runcit.

b) telah mendapat aduan awam daripada penduduk berhubung aktiviti minuman keras telah menimbulkan kacau ganggu awam.

Pemohon hendaklah membuat rayuan semula kepada PTDHL bagi mendapatkan lesen minuman keras. Kelulusan lesen MPAJ akan dipertimbangkan setelah mendapat kelulusan dari PTDHL.

Makluman

4.0 HAL-HAL LAIN

4.1 PENJAJA HARAM DI SEKOLAH RENDAH TAMAN NIRWANA

Mohon semak dan tindakan terhadap penjaja-penjaja haram yang beroperasi di hadapan Sekolah Rendah Taman Nirwana.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.2 SIBER KAFE DI TAMAN CAHAYA

Terdapat aduan berkaitan siber kafe yang beroperasi 24 jam di Jalan Cahaya 14, Taman Cahaya. Mohon semakan dan tindakan sewajarnya.

Tindakan :
Jabatan Pelesenan

4.3 PEMILIK MENYEWAKAN PERNIAGAAN KEPADA WARGA ASING

Mohon dikaji semula status lesen yang diberi kepada warganegara Malaysia tetapi perniagaan dijalankan oleh warga asing. Apakah status terkini dan tindakan yang telah diambil.

Tindakan :
Jabatan Pelesenan

4.4 PENGURUSAN PASAR MALAM

Dibangkitkan isu berkaitan status pengambilalihan pengurusan pasar malam. Jabatan memaklumkan merujuk kepada keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor memaklumkan pengurusan pasar malam dan pasar pagi diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan bukan pihak Jawatakuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Penduduk (JP) atau pihak penganjur. Jabatan juga memaklumkan kerja-kerja pembersihan pasar dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang telah dilantik dan memenuhi kelayakan. Pihak jabatan akan menyemak semula berkaitan pembayaran yuran pengurusan bagi bulan Januari 2014.

Makluman

4.5 OPERASI KEDAI OLEH WARGA ASING

Terdapat ramai warga asing yang menjalankan operasi di kedai-kedai di sekitar Pandan Mewah. Mohon semak dan tindakan sewajarnya.

Tindakan :
Jabatan Pelesenan.

4.6 BESI BURUK DIBUANG DI KAWASAN TANAH LAPANG

Mohon semakan dan tindakan terhadap bengkel kereta yang membuang besi-besi buruk di kawasan tanah lapang di Pandan Mewah.

Tindakan :
Jabatan Pelesenan
Jabatan Penguatkuasa

4.7 BENGKEL KERETA DI KAWASAN INDUSTRI

Mohon penjelasan berkenaan syarat-syarat meletakkan kereta lama dan buruk bagi perniagaan yang menjalankan aktiviti bengkel kereta kerana didapati banyak bengkel kereta terutama di kawasan industri yang meletakkan kereta di sekitar kawasan perniagaan mereka sehingga memburukkan pemandangan, menyebabkan kesesakan dan menjadi tempat pembiakan haiwan seperti nyamuk dan sebagainya.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

4.8 GERAI BUAH BUAHAN DI BAHU JALAN

Mohon penjelasan berkenaan syarat-syarat perniagaan gerai buah-buahan yang beroperasi di bahu-bahu jalan seperti di Taman Kosas dan lain-lain kawasan.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
24 Februari 2014

6.2.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.1/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.1/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2014

MASA : 9.30 PAGI - 11.53 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 4. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 6. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 7. | Pn. Sharifah Haslizah Binti Wan Ariffin | - | " |
| 8. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | Ahli Majlis |
|----|-----------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.1/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.1/2014 telah diadakan pada 26 Februari 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 DISEMBER 2013**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Disember 2013 ialah sebanyak RM92.90juta dan tunggakan cukai sebanyak RM12.53juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 334,239 bil bagi tempoh penggal kedua (2) dalam tahun 2013.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013 ialah sebanyak RM91.32juta. Pencapaian kutipan semasa

cukai taksiran adalah RM79.70juta; 85.79% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM11.62juta; 92.77%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2012.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/13 – 31/12/13	01/01/12 – 31/12/12	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM79.70juta	RM79.88juta	Penurunan kutipan cukai semasa RM0.18juta; 0.22%
Kutipan tunggakan cukai	RM11.62juta	RM11.71juta	Penurunan kutipan tunggakan cukai RM0.09juta; 0.77%
Jumlah	RM91.32juta	RM91.59juta	Penurunan kutipan keseluruhan RM0.27juta; 0.29%

2.1.4. Laporan Tunggakan Cukai Taksiran 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 31 Disember 2013 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Kekurangan/ Lebihan sasaran
Cukai semasa	RM83.61juta	RM79.70juta	Kekurangan sasaran RM3.91juta
Tunggakan cukai	RM8.77juta	RM11.62juta	Lebihan sasaran RM2.85juta

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap hari Sabtu bulan Januari, Februari, Julai, Ogos dan Disember serta setiap hari Ahad di Menara MPAJ sahaja pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun.
- c) Pembukaan kaunter Pandu Lalu pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun.

- d) Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah seluruh Negeri Selangor dalam memudahkan urusan pembayaran bil Cukai Taksiran dengan penerimaan bayaran di semua PBT dan PTD Selangor.
- e) Pembukaan kaunter kutipan di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada 15 Februari hingga 28 / 29 Februari dan 15 Ogos hingga 31 Ogos setiap tahun untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- f) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan gerbang pembayaran elektronik (*payment gateway & e-banking*) melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- g) Menyediakan sistem komuniti pintar *ICOMM* (MPAJ *Intelligent Community System*) bagi memudahkan urusan semakan, pertanyaan akaun dan pembayaran.
- h) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.

- i) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
- j) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke CTOS (Convergent Technologies Operating System).
- k) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas perlaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.

2.1.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013.**

2.2. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN DARI 1 JANUARI 2014 SEHINGGA 31 JANUARI 2014

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Jun 2014 ialah sebanyak RM46.70juta dan tunggakan cukai sebanyak RM14.10juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 167,321 bil bagi tempoh penggal pertama (1) dalam tahun 2014.

2.2.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Januari 2014 ialah sebanyak RM13.73juta. Pencapaian kutipan semasa cukai taksiran adalah RM12.33juta; 26.41% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM1.40juta; 9.93%.

2.2.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 31 Januari 2014 dan 31 Januari 2013.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/14 – 31/01/14	01/01/13 – 31/01/13	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM12.33juta	RM10.11juta	Peningkatan kutipan cukai semasa RM2.22juta; 18.00%
Kutipan tunggakan cukai	RM1.40juta	RM1.26juta	Peningkatan kutipan tunggakan cukai RM0.14juta; 10.00%
Jumlah	RM13.73juta	RM11.37juta	Peningkatan kutipan keseluruhan RM2.36juta; 17.19%

2.2.4. Laporan Tunggakan Cukai Taksiran 1 Januari 2014 sehingga 31 Januari 2014 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran.

2.2.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 31 Januari 2014 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Kekurangan/ Lebihan sasaran
Cukai semasa	RM42.03juta	RM12.33juta	RM29.70juta
Tunggakan cukai	RM9.87juta	RM1.40juta	RM8.47juta

2.2.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap hari Sabtu bulan Januari, Februari, Julai, Ogos dan Disember serta setiap hari Ahad di Menara MPAJ sahaja pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun.

- c) Pembukaan kaunter Pandu Lalu pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun.
- d) Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah seluruh Negeri Selangor dalam memudahkan urusan pembayaran bil Cukai Taksiran dengan penerimaan bayaran di semua PBT dan PTD Selangor.
- e) Pembukaan kaunter kutipan di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada 15 Februari hingga 28 / 29 Februari dan 15 Ogos hingga 31 Ogos setiap tahun untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- f) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan gerbang pembayaran elektronik (*payment gateway & e-banking*) melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- g) Menyediakan sistem komuniti pintar *ICOMM* (MPAJ *Intelligent Community System*) bagi memudahkan urusan semakan, pertanyaan akaun dan pembayaran.
- h) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.

- i) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
- j) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke CTOS (Convergent Technologies Operating System).
- k) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas perlaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.

2.2.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Januari 2014.**

2.3. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 JANUARI 2014 (AKB 2013)

2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 hingga 31 Januari 2014 (AKB 2013).

2.3.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2013 adalah sebanyak RM118juta dengan perbelanjaan RM110.99juta atau 94.06% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan

dengan peruntukan berjumlah RM1juta dengan perbelanjaan RM0.61juta atau 60.60% bagi tahun 2013.

2.3.3. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis sehingga 31 Disember 2013 berjumlah RM26.94juta dengan perbelanjaan RM25.23juta atau 93.65%. Laporan Perincian Perbelanjaan daripada Peruntukan Khas yang telah diterima namun masih belum dibelanjakan sehingga 31 Disember 2013.

2.3.4. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Januari 2014 (AKB 2013).**

2.4. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 DARI 1 JANUARI 2014 SEHINGGA 31 JANUARI 2014

2.4.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014 dari 1 Januari 2014 hingga 31 Januari 2014.

2.4.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2014 adalah sebanyak RM117.3juta dengan perbelanjaan RM2.28juta atau 1.94% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM2.70juta bagi tahun 2014.

2.4.3. **Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan**

Pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Januari 2014. Mesyuarat juga meminta Majlis supaya dapat mempertimbangkan bayaran bil utiliti di dewan Majlis semasa tempoh ketiadaan Ahli Majlis sebagai Ketua Zon JKP.

2.5. MAKLUMAN PEWARTAAN CAGARAN TIDAK DITUNTUT ORANG AWAM TAHUN 2012

- 2.5.1. Mesyuarat dimaklumkan pewartaan cagaran tidak dituntut orang awam tahun 2012 daripada Laporan Pengurusan Kewangan Berasaskan Indeks Akauntabiliti Majlis.
- 2.5.2. Cagaran yang tidak dituntut tahun 2012 adalah sebanyak RM 1,692,427.80. Pewartaan ini adalah selaras dengan kehendak **Arahan Perbendaharaan 162, Deposit Yang Tidak Dituntut Hendaklah Diwartakan**; di mana jika sekiranya pihak berkenaan tidak membuat tuntutan selepas 3 bulan daripada tarikh diwartakan, maka tindakan boleh diambil untuk mengkreditkan cagaran ini ke dalam akaun hasil Majlis.
- 2.5.3. Arahan Perbendaharaan 162; Jika tiada sebab-sebab khas pada sebaliknya, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa tiga (3) bulan selepas pemberitahuan itu maka ia hendaklah dikredit kepada hasil.

2.5.4. Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum perwartaan ini selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 162 dengan jumlah RM1,692,427.80. Mesyuarat turut mencadangkan dibuat pengasingan mengikut aktiviti cagaran tidak dituntut dan memperakukan wang yang tidak dituntut supaya wang tersebut boleh menjadi hasil Majlis. Pihak Jabatan Undang-Undang akan membuat kajian mengenai klausa di dalam syarat-syarat cagaran terutama yang mensyaratkan kegagalan menuntut cagaran akan menjadikan cagaran tersebut menjadi hasil MPAJ.

2.6. PENGURANGAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PEMILIK HARTANAH DI KALANGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI TAHUN 2013 DAN 2014

2.6.1. Mesyuarat dikemukakan pengurangan cukai taksiran bagi pemilik harta tanah di kalangan orang kelainan upaya (OKU) dalam kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun 2013 dan 2014.

2.6.2. Berdasarkan kepada **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 11/2013** yang telah bersidang pada 20 Mac 2013 telah menimbang dan meluluskan cadangan **pengurangan caj bayaran Cukai Taksiran sebanyak 50%** kepada **pemilik harta tanah (rumah kediaman sahaja) di kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU)** di dalam kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya dan juga seluruh Negeri Selangor.

2.6.3. Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut :-

2.6.3.1 Pemilik harta tanah adalah di kalangan Orang Kelainan Upaya (pasangan atau ahli keluarga di kalangan Orang Kelainan Upaya tidak boleh menuntut atau diberi pengurangan Cukai Taksiran) ;

2.6.3.2 Mengemukakan dokumen-dokumen yang ditetapkan atau disyaratkan bersama Borang Permohonan Pengurangan Cukai Taksiran untuk Orang Kelainan Upaya :-

- (a) Salinan kad pengenalan Orang Kelainan Upaya (Kad OKU);
- (b) Salinan kad pengenalan pemilik harta tanah OKU;
- (c) Salinan Perjanjian Jual beli atau Surat Hak Milik bagi mengesahkan pemilikan harta tanah;
- (d) Bil Cukai Taksiran terkini yang telah dijelaskan;

2.6.3.4 Pengurangan hanya diberikan bagi satu (1) harta tanah (pegangan) sahaja yang terdapat di dalam kawasan Majlis ;

2.6.3.5 Harta tanah (pegangan) dengan kegunaan kediaman mestilah didiami oleh pemilik pegangan dan tidak disewakan ;

- 2.6.3.6 Pengurangan Cukai Taksiran dilakukan berdasarkan penerimaan permohonan sahaja dan ianya perlu diperbaharui setiap tahun.
- 2.6.4. Sepanjang tahun 2013 dan sehingga tarikh laporan ini disediakan sebanyak 26 permohonan yang layak diberikan pengurangan Cukai Taksiran. Pengurangan Cukai Taksiran yang dipertimbangkan adalah sebanyak 50% ke atas cukai semasa.
- 2.6.5. Hasil daripada semakan dan pengesahan yang dibuat ke atas setiap premis yang terlibat, pengurangan Cukai Taksiran yang boleh dipertimbangkan bagi tahun 2013 dan 2014 adalah sebanyak **RM8,167.04** (dengan agihan **2013 sebanyak RM4,083.52** dan **2014 sebanyak RM4,083.52**).
- 2.6.6 Mesyuarat **mengambil maklum dan bersetuju dengan pengurangan Cukai Taksiran bagi pemilik harta tanah di kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun 2013 dan 2014 berjumlah RM8,167.04 atas tujuan sosial dan kebajikan dan diselaraskan semula dalam transaksi setiap akaun yang terlibat.**

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1 ISU TANAH YAP AH LOY DI PEKAN AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Majlis telah memperolehi cek berjumlah RM400,000 pada 7 Februari 2014 untuk akaun Choo Lim Cheong. Cek dilaporkan telah dikreditkan ke akaun tersebut. Walau bagaimanapun pertikaian mengenai hakmilik tanah oleh pewaris-pewaris masih berterusan dan pihak Majlis akan memantau perkembangan pemilikan tanah tersebut.

Makluman

3.2. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, status kemajuan di tapak 15% penyediaan tapak asas bangunan. Jangkaan siap pembinaan ini adalah pada bulan Julai 2014.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3. KERA-KERJA TANAH DI KAWASAN BERSEBELAHAN GERAJ B.O.T. TAMAN KERAMAT PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pembersihan pemotongan rumput dijalankan dan tiada aktiviti kerja tanah di tapak.

Makluman

3.4. LOT PARKING DI KAWASAN-KAWASAN BARU

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. mohon kaedah penggunaan kupon di kawasan baru dan penggantian mesin kepada kupon di kawasan lama secara berperingkat. Kertas kerja akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan :

Jabatan Perbendaharaan

3.5. STRUKTUR BILLBOARD DI DEWAN JALAN KEMAJUAN KG PANDAN (DEWAN AHMAD JANTAN)

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini akan dibincangkan semula dalam Mesyuarat Taskforce Billboard yang akan datang dengan keahlian yang baru.

Makluman

3.6. PENGGUNAAN 'MOBILE' CCTV

Mesyuarat dimaklumkan, penggunaan 'Mobile' CCTV akan dibincangkan dalam Taskforce CCTV yang akan dibentuk kelak.

Makluman

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
26FEBRUARI2014

6.3.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL.1/2014

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 01/2014**

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 11 FEBRUARI 2014 (SELASA)

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
ARAS 16, MPAJ**

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua (Pengerusi)
2.	En. Mohd Zuwahir B. Wandi	Pej. Tanah & Daerah Gombak
3.	En. Ahmad B. Muhamad Yusoff	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
4.	Nen Farahana Bt. Ahmad Fuad	JPBD Selangor
5.	En. Muhammad Ezwan B. Dahlan	Jab. Mineral & Geosains Selangor
6.	En. Mohd Firdaus B. Ismail	Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
7.	En. Muhammad Rizal B. Ismail	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
8.	DSP Tn. Hj. Abd. Rahman B. Hj. Hasnan	PDRM (Daerah Ampang)
9.	Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
10.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
11.	Pn. Nor Liza Bt. Yen	Jab. Alam Sekitar Selangor
12.	Cik Noor Syazwani Noor Sazali	Indah Water Konsortium (IWK)
13.	En. Mohd Fazizi B. Mohd Zaid	SYABAS
14.	Pn. Asiah Bt. Borhan	SKMM Wilayah Tengah
15.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
16.	En. Zafrul Fazry B. Mohd Fauzi	Jab. Kejuruteraan MPAJ
17.	En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
18.	En. Johari B. Atli	Jab. Undang-Undang MPAJ
19.	Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad	Peg. Perhubungan Awam
20.	Pn. Marlina Bt. Mokhtar	Jab. Belia & Masyarakat
21.	En. Muhazi B. Jayarah	Jab. Penguatkuasa

TURUT HADIR

- | | |
|---|-------------------------|
| 1. Cik Norlela Bt. Muhammad | JPBD Selangor |
| 2. En. Mohd Azli B. Othman | Jab. Perancang Bandar |
| 3. Pn. Wan Syarianti Bt. Wan Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 4. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari | Jab. Perancang Bandar |
| 5. Pn. Norizan Bt. Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 6. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah | Jab. Perancang Bandar |
| 7. Pn. Nurul Husna Bt. Mohd Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 8. En. Bahari B. Sulieman | Jab. Perancang Bandar |
| 9. Pn. Juhaida Bt. Kassim | Jab. Perancang Bandar |
| 10. En. Mohd Faizal B Arshad | Jab. Bangunan Senibina |
| 11. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid | Jab. Bangunan Senibina |
| 12. Pn. Nirlina Bt. Abu Hassan | Jab. Bangunan Senibina |
| 13. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak | Jab. Kejuruteraan |
| 14. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil | Jab. Kejuruteraan |
| 15. Pn. Safirah Bt. Saad | Jab. Kejuruteraan |
| 16. Pn. Norizan Bt Ibrahim | Jab. Kejuruteraan |
| 17. Pn. Zailani Bt. Rajab | Jab. Kejuruteraan |
| 18. En. Mohd Hisham Shazri B. Mohd Suri | Jab. Kejuruteraan |
| 19. Pn. Noor Ismezah Bt. Ismail | Jab. Belia & Masyarakat |

TIDAK HADIR

1. Jab. Kerja Raya Gombak
2. Jab. Kerja Raya Hulu Langat
3. Jab. Pengairan & Saliran Selangor
4. TNB Distribution Sdn. Bhd.
5. POS Malaysia Berhad
6. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

URUS SETIA

1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle
2. En. Mohd Syukri B. Yahya
3. Pn. Rahah Bt. Jalaludin
4. En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim
5. Pn. Rozita Bt. Razali

- Ketua Bahagian OSC
Peg. Perancang Bandar OSC
Pen. Peg. Senibina OSC
Pen. Peg. Perancang Bandar OSC
Pen. Jurutera OSC

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.01/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 01/2014 telah diadakan pada 11 Februari 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan diluluskan dengan syarat.
- 2.1.2 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan dan telah diluluskan dengan syarat.
- 2.1.3 Empat (4) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Dua permohonan telah diluluskan dengan syarat, satu permohonan telah ditangguhkan dan satu permohonan telah ditolak.

2.2 **PERMOHONAN SERENTAK**

- 2.2.1 Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.
- 2.2.2 Satu (1) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan ditolak.
- 2.2.3 Satu (1) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang dan Pelan Kejuruteraan telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.
- 2.2.4 Dua (2) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.
- 2.2.5 Tiga (3) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.
- 2.2.6 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kerja Tanah dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.3 **PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)

Enam (6) permohonan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan. Lima (5) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditangguhkan.

2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Empat (4) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan, dua (2) telah diluluskan dengan syarat dan dua (2) ditangguhkan.

2.6 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CADANGAN ALAMAT)

Lima (5) permohonan Kebenaran Merancang (Cad. Alamat) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.7 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.8 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN

Dua (2) permohonan Pelan Kejuruteraan telah dikemukakan dan diluluskan.

2.9 PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH

Satu (1) permohonan Pelan Kerja Tanah telah dikemukakan dan diluluskan.

2.10 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PERUMAHAN)

Empat (4) permohonan Pelan Bangunan (Perumahan) telah dikemukakan , satu (1)diluluskan, dua (2) diluluskan dengan syarat dan satu (1) ditangguhkan.

2.11 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (SESEBUAH)

Dua (2) permohonan Pelan Bangunan (Sesebuah) telah dikemukakan dan diluluskan.

2.12 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Pelan Bangunan (Pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.13 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

Satu (1) permohonan Pelan Bangunan (Telekomunikasi) telah dikemukakan dan ditolak.

2.14 HAL-HAL LAIN

2.14.1 Sebanyak satu (1) Permohonan Pelan bangunan no. Rujukan MPAJ/OSC/DEV/50/12 BAGI TETUAN sdb Properties Sdn. Bhd telah diproses dan dibatalkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 01/2014.

2.14.2 Sebanyak 111 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 62 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 01/2014.

2.14.3 Sebanyak enam (6) Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur telah diproses dan telah diluluskan. Lima (5) Permohonan Pelan Lampu Jalan dan Taman telah diproses , tiga (3) telah diluluskan dan dua (2) dibatalkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan

di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 01/2014.

2.14.4 Sebanyak satu (1) Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 01/2014.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.05 tengahari.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

6.4.

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT
SETEMPAT (OSC) BIL.2/2014**

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 02/2014**

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 25 FEBRUARI 2014 (SELASA)

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
ARAS 16, MPAJ**

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua (Pengerusi)
2.	Tn. Hj. Abdul Jalil B. Hasan	Ahli Majlis MPAJ
3.	Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis	Ahli Majlis MPAJ
4.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
5.	Maisarah Bt. Mustapa Bakri	Pej. Tanah & Daerah Gombak
6.	En. Qalam A'zad Rosle	Jab. Mineral & Geosains Selangor
7.	En. Mohd Firdaus B. Ismail	Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
8.	En. Muhammad Zuhairi B. Zanudin	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
9.	Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
10.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
11.	Pn. Hazian Bt. Yaakob	Jab. Alam Sekitar Selangor
12.	Cik Noor Syazwani Noor Sazali	Indah Water Konsortium (IWK)
13.	Rosliza Bt. Mohammad	SYABAS
14.	En. Muhammad Ashraf B. Abu Bakar	SKMM Wilayah Tengah
15.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ

- | | |
|--|-----------------------------------|
| 16. En. Hasrolnizam B. Shaari | Jab. Kejuruteraan MPAJ |
| 17. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf | Jab. Bangunan & Senibina MPAJ |
| 18. En. Johari B. Atli | Jab. Undang-Undang MPAJ |
| 19. En. Khairulazmi B. Abd Rahman | Jab. Penilaian & Pengurusan Harta |
| 20. Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad | Peg. Perhubungan Awam |
| 21. En. Mohd Nor Isman B. Ismail | Bahagian COB |
| 22. Pn. Rosliza Bt Mohd | Jab. Perancangan Korporat |
| 23. En. Azam B. Husni | Jab. Penguatkuasa |

TURUT HADIR

- | | |
|--|------------------------|
| 1. Pn. Rohana Bt. Mohd Nor | Jab. Perancang Bandar |
| 2. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari | Jab. Perancang Bandar |
| 3. En. Syed Noornekman B Syed Abdullah | Jab. Perancang Bandar |
| 4. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah | Jab. Perancang Bandar |
| 5. Pn. Nurul Husna Bt. Mohd Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 6. En. Bahari B. Sulieman | Jab. Perancang Bandar |
| 7. Pn. Juhaida Bt. Kassim | Jab. Perancang Bandar |
| 8. En. Mohd Faizal B Arshad | Jab. Bangunan Senibina |
| 9. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid | Jab. Bangunan Senibina |
| 10. En. Mohd Marzuki | Jab. Bangunan Senibina |
| 11. En. Fikri B. Mohd Mokhtar | Jab. Bangunan Senibina |
| 12. Pn. Safirah Bt. Saad | Jab. Kejuruteraan |
| 13. Pn. Norizan Bt Ibrahim | Jab. Kejuruteraan |
| 14. Pn. Zailani Bt. Rajab | Jab. Kejuruteraan |

TIDAK HADIR

1. Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
2. JPBD Selangor
3. Jab. Kerja Raya Gombak
4. Jab. Kerja Raya Hulu Langat
5. PDRM (Daerah Ampang)
6. Jab. Pengairan & Saliran Selangor
7. TNB Distribution Sdn. Bhd.
8. POS Malaysia Berhad
9. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

URUS SETIA

- | | |
|----------------------------------|--------------------------------|
| 1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle | Ketua Bahagian OSC |
| 2. En. Mohd Syukri B. Yahya | Peg. Perancang Bandar OSC |
| 3. Pn. Rahah Bt. Jalaludin | Pen. Peg. Senibina OSC |
| 4. En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim | Pen. Peg. Perancang Bandar OSC |
| 5. Pn. Rozita Bt. Razali | Pen. Jurutera OSC |
| 6. Pn. Suzana Bt. Moehamed Ali | Pen. Peg. Senibina OSC |
| 7. Pn. Intan Azuana Bt. Haris | Pen. Peg. Perancang Bandar OSC |
| 8. En. Mohammad Hanafi B. Othman | Pen. Jurutera OSC |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.02/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 02/2014 telah diadakan pada 25 Februari 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan diluluskan dengan syarat.
- 2.1.2 Empat (4) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Tiga (3) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu(1) permohonan telah ditangguhkan.
- 2.1.3 Satu (1) permohonan rayuan Pelan Bangunan (pelbagai) yang pernah diluluskan dengan syarat telah dibincangkan semula dan telah diluluskan untuk pengecualian balkoni.

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

2.2.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

2.2.2 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dan satu (1) permohonan telah diluluskan

2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan, dua (2) telah diluluskan dengan syarat.

2.6 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CADANGAN ALAMAT)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Cad. Alamat) telah dikemukakan dan telah ditolak.

2.7 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.8 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN

Dua (2) permohonan Pelan Kejuruteraan telah dikemukakan. Satu (1) permohonan diluluskan dan satu (1) permohonan ditangguhkan.

2.9 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PERUMAHAN)

Satu (1) permohonan Pelan Bangunan (Perumahan) telah dikemukakan dan ditangguhkan.

2.10 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

Dua (2) permohonan Pelan Bangunan (Telekomunikasi) telah dikemukakan dan diluluskan.

2.11 HAL-HAL LAIN

2.11.1 Sebanyak 41 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 12 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 02/2014.

2.11.2 Sebanyak 4 Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur telah diproses dan telah diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 02/2014.

2.11.3 Sebanyak satu (1) Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 02/2014.

3. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*